

MATA WANG KRIPTO

- Mata wang kripto ialah satu bentuk wang digital yang wujud hanya di alam internet. Ia berbeza daripada perbankan online kerana mata wang kripto tidak dikeluarkan oleh bank atau kerajaan.
- Akibatnya, mata wang berkenaan menjadi pusat jenayah terancang dan lebih serius, organisasi penganas turut menggunakan sistem berkenaan untuk melakukan pemindahan dana memandangkan ia tidak meninggalkan jejak forensik.
- Urus niaga mata wang kripto tidak dikawal selia oleh bank pusat atau agensi penyelia kewangan yang dilantik sekali gus meletakkan pengguna dalam risiko yang besar tanpa disedari.
- Antara mata wang kripto yang popular ialah bitcoin, ethereum, binance, XRP, tether, dogecoin, litecoin, cardano, dan polkadot
- Bitcoin dan sejumlah besar mata wang seperti litecoin dan ethereum, dicipta melalui proses yang dipanggil 'mining'.
- Di sebalik sisi gelapnya, semakin banyak negara dan syarikat besar menerima transaksi mata wang digital termasuk Tesla yang membenarkan pembelian kereta elektriknya menggunakan bitcoin di Amerika Syarikat bulan lalu.



Ada 8,000 mata wang kripto di dunia

KUALA LUMPUR - Faktor keyakinan tinggi selain mudah digunakan adalah antara ciri mata wang kripto sehingga ia menjadi begitu popular sekarang.

Timbalan Dekan (Pengajian Siswazah, Jaringan Industri dan Masyarakat) Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Mohamad Fazli Sabri berkata, kripto merupakan mata wang berasaskan internet yang dihasilkan melalui teknologi *blockchain* atau 'blok rantai'.

"Terdapat hampir 8,000 jenis mata wang kripto pada hari ini, paling terkenal antaranya ialah bitcoin dan ethereum.

"Mata wang tersebut boleh dimiliki dengan dua cara iaitu 'melombong' atau membelinya menerusi aplikasi yang diiktiraf," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, trend masa kini menunjukkan kebanyakan orang menyimpan mata wang kripto bagi tujuan



MOHAMAD FAZLI

pelaburan.

Ujarnya, disebabkan itu banyak *scammer* pelaburan mata wang kripto menggunakan peluang tersebut untuk mencari mangsa dengan menawarkan keuntungan berganda.

"Orang ramai harus tahu, pelaburan mata wang kripto ini sangat berisiko memandangkan sifatnya yang tidak menentu, menyebabkan nilainya boleh berubah-ubah dalam masa yang

singkat.

"Kalau harga mata wang kripto naik, pelabur akan dapat untung yang banyak, tapi kalau jatuh, mereka juga akan rugi dengan banyak," kata beliau.

Ujar Mohamad Fazli lagi, seseorang yang masih serius untuk melabur dalam mata wang kripto perlu mempunyai ilmu dalam bidang berkaitan.

Langkah tersebut, katanya, bertujuan mengelakkan individu daripada kerugian dan berputih mata.